

18/03/1997

MEC, Acer keluarkan peralatan komputer

Hatipah Ahmad

MALAYSIA Electric Corporation Bhd (MEC), pemilik bandar MEC di Kuantan, akan bekerjasama dengan pengeluar komputer Acer dari Taiwan dan beberapa syarikat lain bagi mengeluarkan peralatan komputer peribadi di bandar elektronik itu, tidak lama lagi.

Pengarah Perhubungan Korporat, Voon Siew Peng, berkata langkah itu selaras dengan matlamat MEC untuk meningkat dan mempelbagaikan produk pengeluaran di bandar MEC.

Bagaimanapun, rancangan itu masih di peringkat awal perbincangan dan keputusannya diketahui tidak lama lagi.

Menurutnya, barangan komputer peribadi yang akan dipasarkan di dalam dan luar negara itu tidak semestinya diletakkan di bawah jenama MEC kerana ia adalah khusus untuk barangan elektrik.

Pada masa yang sama, katanya, MEC juga bercadang mengeluarkan peralatan jana kuasa elektrik pada masa depan.

Sementara itu, Presiden yang juga Ketua Eksekutif MEC Bhd, Datuk Seri Teong Teck Leng, berkata pihaknya bercadang menubuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bandar itu dikenali sebagai Kolej MEC.

Penubuhan pusat itu selaras matlamat meningkatkan keupayaan R&D di kalangan pekerja tempatan menerusi pemindahan teknologi yang berkesan.

"Antara langkah pemindahan teknologi itu ialah menerusi pengambilalihan 100 peratus teknologi dan operasi Kambrook dari Australia dan Grundig dari Jerman di Malaysia.

"MEC ketika ini sudah mempunyai teknologi pengeluaran barangan elektrik dari Jepun, Taiwan, Korea, Eropah dan Hong Kong yang dibeli sejak 12 bulan lalu," katanya pada sidang akhbar sempena pelancaran bandar MEC di Kuantan, kelmarin.

Bandar MEC dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut menyaksikan majlis menandatangani sembilan perjanjian.

Antaranya ialah perjanjian pegangan saham 30 peratus Khazanah Nasional Bhd dalam MEC Bhd dan lapan perjanjian pengedaran serta kerjasama teknikal dengan beberapa syarikat Dubai, Taiwan, Jepun dan Korea Selatan.

Teong berkata, apabila pengeluaran di bandar MEC dimulakan, pihaknya yakin menguasai antara sepuluh dan 20 peratus pasaran tempatan pada tahun pertama operasi dengan unjuran melebihi RM1 bilion tahun ini.

(END)